

Rumusan kongres dilaksana

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan negeri akan melaksanakan semua rumusan yang dicapai dalam Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga, kata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Menurutnya, Menteri Besar dan Ketua Menteri sudah memberi perakuan untuk cuba sedaya upaya menjayakan rumusan yang dicapai dalam kongres itu.

“Kerajaan pula sudah mengenal pasti jenis perniagaan yang boleh disertai oleh Bumiputera berasaskan rumusan kongres itu,” katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini, hari ini.

Sementara itu, Timbalan Presiden Umno, Encik Ghafar Baba, berkata jawatankuasa penaja Umno di Sabah akan dimansuhkan mulai 1 Mac ini apabila semua 20 bahagian mengadakan mesyuarat dan pemilihan jawatankuasa secara serentak.

Katanya, mulai tarikh itu jawatankuasa bahagian yang dipilih mengikut perlembagaan parti akan berfungsi sepenuhnya.

Beliau memberitahu

14 JAN 1992
berita di sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi Umno di sini, hari ini, semua cawangan akan mula mengadakan mesyuarat masing-masing pada 1 hingga 29 Februari ini.

Umno bertapak secara rasmi di Sabah pada 21 Februari tahun lalu berikutan tindakan Parti Bersatu Sabah (PBS) keluar dari Barisan Nasional sebelum pilihanraya umum yang lalu.

Selain itu, Datuk Seri Dr Mahathir mengumumkan Umno menerima ke-46 (S46), Haji Mazlan Datuk Harun, dan Haji Fahmi Ibrahim.

Bagaimanapun, beliau berkata, Umno belum menerima sebarang permohonan daripada Datuk Haji Harun Idris.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, Republik Rakyat China menyatakan kesanggupannya menyertai Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Katanya, kesanggupan China menyertai EAEC disampaikan melalui Presidennya, Encik Yang Sangkun, dalam pertemuan kedua-dua pemimpin itu di sini, Sabtu lalu.